



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

No. Dasar : PNM/DS/26

Tarikh diluluskan : 30/09/2022

Tarikh disemak : 30/09/2022

DASAR NEGARA BAGI PERPUSTAKAAN DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT

KENYATAAN DASAR

Memastikan perancangan dan pembangunan perpustakaan ditadbir secara terancang dan sistematik bagi kecemerlangan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	3
2. KENYATAAN DASAR	3
3. SKOP	3-4
4. DEFINISI	4-6
5. OBJEKTIF	6
6. STRATEGI	7-10
7. AKTIVITI	10-12
8. PENGEMASKINIAN DASAR	12
9. TARIKH KUAT KUASA	12
10. LAMPIRAN	13
11. SUMBER RUJUKAN	14

**DASAR NEGARA BAGI PERPUSTAKAAN
DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT**

1. PENGENALAN

Dasar ini adalah semakan semula daripada dasar sedia ada iaitu Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat yang telah diterbitkan pada tahun 1994.

Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat dirangka dengan mengambil kira infrastruktur perkhidmatan perpustakaan dan maklumat dalam negara pada masa kini serta perundangan yang berkaitan dengan penubuhan perpustakaan di Malaysia.

2. KENYATAAN DASAR

Memastikan perancangan dan pembangunan perpustakaan ditadbir secara terancang dan sistematik bagi kecemerlangan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

3. SKOP

Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat merangkumi aktiviti yang berkaitan dengan pengesanan, perolehan, pendokumentasian, perkhidmatan, penyelidikan, penerbitan, penyelenggaraan, pemuliharaan dan penyebaran maklumat.

Bahan perpustakaan meliputi semua bentuk cetakan, grafik, audio, elektronik atau media lain, di mana maklumat ditulis, direkod, disimpan, dipamer atau dikeluarkan bagi maksud Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) seperti berikut:

- (a) Bahan perpustakaan yang bercetak termasuk buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster.
- (b) Bahan perpustakaan yang tidak bercetak termasuk filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain.

4. DEFINISI

4.1 Pendokumentasian

- (a) Proses menghurai, menyenarai dan menyusun maklumat mengenai bahan perpustakaan mengikut peraturan dan format yang ditetapkan dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- (b) Proses kawalan bibliografi yang merangkumi pengkatalogan, pengkelasan dan penyelenggaraan bahan perpustakaan mengikut standard bagi tujuan penyimpanan dan dapatan kembali maklumat.

4.2 Pendigitalan

Pendigitalan adalah satu proses yang menukarkan format sumber ilmu dan maklumat dalam bentuk bercetak/analog (sama ada teks, audio, video, grafik dan sebagainya) kepada bentuk digital supaya ianya dapat disimpan, mudah dikesan/didapatkan semula dan diedarkan secara elektronik.

4.3 Penyelenggaraan

Tindakan pencegahan yang diambil supaya sumber perpustakaan tidak rosak. Aktiviti ini melibatkan pemantauan terhadap keselamatan dan penjagaan sumber perpustakaan seperti memastikan peralatan yang digunakan untuk memelihara koleksi perpustakaan dipantau dan diselenggara secara terancang.

4.4 Pemeliharaan

Pelbagai langkah yang diambil untuk perlindungan, pemeliharaan dan pembaikan yang perlu bagi bahan perpustakaan dan untuk penyelenggaraannya di bawah keadaan yang dimaksudkan untuk mengelakkan dan menghalang kerosakan nilai fizikalnya.

4.5 Koleksi Pinjaman

Sumber perpustakaan yang boleh dipinjam oleh pembaca.

4.6 Koleksi Rujukan

Sumber perpustakaan seperti Monograf Malaysiana, Terbitan Berkala Malaysiana, Rujukan Umum, Rujukan Terbitan Bersiri atau koleksi-koleksi lain yang dikumpulkan dari semasa ke semasa dan ditetapkan oleh Ketua Pengarah sebagai koleksi rujukan.

4.7 Koleksi Malaysiana

Bahan Malaysiana adalah semua sumber perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan/atau semua sumber perpustakaan mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan.

5. OBJEKTIF

Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat adalah bertujuan untuk memantapkan koleksi, kemudahan serta perkhidmatan perpustakaan dan maklumat seluruh negara khususnya dalam menyediakan sokongan untuk:

- 5.1 Proses penggubalan dasar dan tadbir urus;
- 5.2 Aktiviti perancangan, penyelidikan dan pembangunan;
- 5.3 Pembangunan modal insan; dan
- 5.4 Perkembangan intelektual, kegiatan sosioekonomi dan budaya serta pembelajaran sepanjang hayat.

6. STRATEGI

Strategi bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- 6.1 Perkhidmatan perpustakaan dan maklumat yang sesuai dengan keperluan akan disediakan;
 - 6.1.1 Memberikan perkhidmatan kepada perpustakaan agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan termasuk organisasi luar negara;
 - 6.1.2 Membangun dan membina kemudahan perpustakaan komuniti setempat untuk merapatkan jurang akses maklumat masyarakat luar bandar; dan
 - 6.1.3 Menyediakan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan yang bersesuaian khusus untuk golongan orang kurang upaya (OKU) dan berkeperluan khas.
- 6.2 Menyediakan perkhidmatan perpustakaan terkini seiring dengan perkembangan semasa berdasarkan Dasar Pembangunan Koleksi/ Perolehan Perpustakaan dan peruntukan kewangan yang disediakan.
- 6.3 Menggalakkan penerbit sektor awam dan swasta untuk memperbanyakkan penerbitan mereka dalam semua bidang ilmu sesuai dengan keperluan semua peringkat masyarakat selaras dengan prinsip asas Dasar Buku Negara.

- 6.4 Sumber perpustakaan dan maklumat serta kemudahan yang disediakan oleh agensi di sektor awam, pada umumnya, merupakan sebahagian daripada peruntukan negara untuk kepentingan masyarakat Malaysia.
- 6.5 Mempermudah dan menyebarluaskan akses sumber ilmu dan maklumat melalui persepakatan pintar dan perkongsian sumber maklumat dalam pelbagai bentuk.
- 6.6 Bagi tujuan pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan intelek dan budaya negara, semua bahan perpustakaan yang diterbitkan atau dihasilkan di dalam negara hendaklah diserahkan kepada institusi bertanggungjawab selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Penggunaan bahan hendaklah dipermudahkan berdasarkan peraturan institusi berkaitan;
 - 6.6.1 Pendokumentasian bahan perpustakaan berdasarkan standard pengkatalogan kebangsaan dan antarabangsa bagi memudahkan pengaksesan maklumat;
 - 6.6.2 Sistem pengurusan maklumat yang memenuhi keperluan tempatan sebagai hab maklumat negara selaras dengan standard antarabangsa;
 - 6.6.3 Pinjaman, rujukan, perujukan, analisis dan pempakejan maklumat, kemudahan bibliografi, penyebaran maklumat terpilih dan pendigitalan;

- 6.6.4 Program pendidikan pengguna bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada pengguna mengenai ketersediaan maklumat yang bernilai untuk rujukan dan penyelidikan; dan
 - 6.6.5 Program galakan membaca untuk membudayakan amalan membaca.
- 6.7 Bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber maklumat luar negara, langkah-langkah berikut perlu diambil:
- 6.7.1 Mengoptimumkan penggunaan sumber maklumat dalam negara;
 - 6.7.2 Membina pangkalan data khusus di peringkat kebangsaan;
 - 6.7.3 Menggalakkan semua perpustakaan dan institusi dalam negara untuk mempergiatkan aktiviti pendigitalan koleksi dan perkongsian akses sumber elektronik yang dimiliki bagi kecemerlangan hab maklumat Negara; dan
 - 6.7.4 Menggalakkan pembangunan kandungan tempatan dalam pelbagai format dan bidang perkara.
- 6.8 Melahirkan tenaga kerja yang kompeten bagi melaksanakan tadbir urus dan perkhidmatan maklumat di seluruh negara dengan mengambil langkah-langkah berikut:
- 6.8.1 Menyediakan peluang operasi latihan yang komprehensif melalui pendidikan dan latihan di dalam dan luar negara; dan

6.8.2 Mewujudkan peluang latihan atau kerjasama strategik bagi meningkatkan kompetensi dan pembangunan kerjaya selaras dengan standard dan amalan terbaik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

7. AKTIVITI

7.1 Pengesanan

Pengesanan ialah kaedah untuk mengenal pasti pelbagai sumber perpustakaan yang boleh dijadikan koleksi perpustakaan berpandukan dasar Perpustakaan Negara Malaysia mengikut perkembangan semasa bagi mendapatkan bahan yang berkualiti untuk kegunaan pengguna.

7.2 Perolehan

Bahan Perpustakaan Negara Malaysia diperolehi melalui beberapa kaedah dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa dan ditetapkan seperti:

- 7.2.1 Penyerahan di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331);
- 7.2.2 Pembelian;
- 7.2.3 Langganan terbitan bersiri dan pangkalan data; dan
- 7.2.4 Hadiah dan pertukaran.

7.3 Pendokumentasian

Memastikan semua bahan bacaan yang diperoleh didokumentasi secara sistematik berpandukan standard yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seiring dengan peranan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Maklumat Malaysiana dan Pusat Rujukan Kebangsaan.

Manakala, Katalog Induk Kebangsaan (KIK) telah diwujudkan sebagai pangkalan data berpusat bagi tujuan pengawalan rekod bibliografi. Pendokumentasian bahan perpustakaan adalah mengikut Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan.

7.4 Perkhidmatan

Perkhidmatan maklumat yang disediakan melambangkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai sebuah institusi kebangsaan yang berperanan sebagai pusat penyelidikan dan rujukan maklumat kebangsaan yang kukuh. Perkhidmatan maklumat yang disediakan Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil kira keperluan semua golongan termasuk mereka yang berkeperluan khas.

7.5 Pemeliharaan dan Pemuliharaan

Memelihara dan memulihara bahan perpustakaan daripada mengalami kerosakan dan mengekalkan koleksi perpustakaan sebagai warisan intelek negara untuk rujukan generasi kini dan akan datang. Proses ini bertujuan

untuk memastikan ketersediaan bahan perpustakaan sebagai sumber rujukan.

7.6 Penyebaran Maklumat


Perpustakaan Negara Malaysia merupakan gerbang akses kepada penyebaran maklumat secara fizikal mahupun maya yang merangkumi koleksi pinjaman, rujukan dan maklumat serta koleksi digital negara.

8. PENGEMASKINIAN DASAR

Kajian semula akan dilakukan sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau berdasarkan keperluan semasa.

9. TARIKH KUAT KUASA

Dasar ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Dasar ini disemak dan diluluskan oleh : 
(SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB)
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Tarikh : 30 September 2022

10. LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

“Bahan perpustakaan” ertinya apa-apa bentuk cetakan, grafik, audio, elektronik atau media lain, di atas atau di mana maklumat ditulis, direkod, disimpan, dipamer atau dikeluarkan dan dikategorikan bagi maksud. Akta ini ke dalam:

- a) Bahan perpustakaan yang bercetak termasuk buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster.
- b) Bahan perpustakaan yang tidak bercetak termasuk filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain.

11. SUMBER RUJUKAN

1. Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80);
2. Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331);
3. Dasar Malaysiana, Perpustakaan Negara Malaysia, 1999;
4. Dasar Sumber Media, Perpustakaan Negara Malaysia, 2000;
5. Dasar Sumber Manusia, Perpustakaan Negara Malaysia, 2003;
6. Dasar Pendigitalan Koleksi, Perpustakaan Negara Malaysia, 2010;
7. Dasar Koleksi Khas, Perpustakaan Negara Malaysia, 2012;
8. Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia, 2014;
9. Dasar Pembangunan Koleksi, Perpustakaan Negara Malaysia, 2020; dan
10. Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Koleksi Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia, 2021